

IRSYAD HUKUM (PANDUAN HUKUM) BIL. 13
STATUS AGAMA ANAK BAWAH UMUR SELEPAS SALAH SEORANG PASANGAN
MEMELUK ISLAM

Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak kali ke 194 yang bersidang pada 7 Rabiulawal 1443 bersamaan 14 Oktober 2021 telah memperaku untuk menerima pakai keputusan Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Islam (MKI) sebagai Irsyad Hukum (Panduan Hukum) mengenai Status Agama Anak Bawah Umur Selepas Salah Seorang Pasangan Memeluk Islam.


Apabila salah pasangan (ibu atau bapa) memeluk agama Islam, status agama bagi anak bawah umur pasangan tersebut secara langsung beragama Islam.

Oleh yang demikian, apabila salah seorang pasangan (ibu atau bapa) memeluk agama Islam, agama anak bawah umur juga adalah Islam dan penjagaan anak hendaklah diletakkan di bawah ibu atau bapa yang beragama Islam.

Perkara 12(4) Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan bahawa agama seseorang yang di bawah umur 18 tahun hendaklah ditetapkan oleh ibu atau bapa atau penjaganya

Tarikh: 24 Jun 2022
No. fail: MN.Pk.A351.IST/05/9 JLD. 9

Saya yang menjalankan amanah


(Dato' Haji Zamri bin Hashim)
Timbalan Mufti Negeri Perak